

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**



Berita ringkas Dewan Rakyat: 10 Nov



10/11/2021 09:54 PM

VAKSIN TEMPATAN DILENGKAPI SIJIL HALAL KELEBIHAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) – Vaksin tempatan yang sedang dibangunkan di negara ini mempunyai kelebihan dengan perolehan sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Ahmad Amzad Mohamed.

Beliau berkata Malaysia mungkin menjadi negara pertama menghasilkan vaksin berstatus halal yang dilengkapi sijil.

"Selain penglibatan NPRA (Agensi Regulatori Farmasi Negara) yang memastikan supaya vaksin ini melalui proses sepatutnya bagi memudahkan kelulusan, penglibatan dari awal JAKIM akan memberi kelebihan kepada kita.

"Barangkali kita akan menghasilkan vaksin yang mempunyai tanda dagangan sebagai vaksin halal pertama di dunia. Ini kelebihan kepada kita," katanya semasa sesi soal jawab pada Persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Ahmad Amzad berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Mohd Hatta Md Ramli (PH-Lumut) yang ingin tahu kelebihan dan perbezaan vaksin tempatan yang sedang dibangunkan di Malaysia berbanding negara lain.